

Headline	Terima kasih kerana pilih kami		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	03 Dec 2016	Readership	837,000
Circulation	279,000	Page No	3
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	358 cm ²		
PR Value	RM 18,321		



Terima kasih kerana pilih kami

Ibu tunggal anggap rumah baharu pemberian TNB sebagai hadiah istimewa Deepavali

SEGAMAT -Seorang ibu tunggal di Kampung Baru Jementah, di simi, menganggap kedatangan Deepavali pada tahun ini sebagai rahmat selepas menerima sebuah rumah baharu daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), semalam.

Walliamah, 63, berkata, sebelum ini dia bersama tiga cucunya termasuk dua kembarnya tinggal menyewa di Taman Puteri, di sini, selepas diarahkan berpindah oleh Ahli Parlimen Segamat, Datuk Seri Dr Subramaniam, tiga tahun lalu.

"Beliau risaukan keselamatan kami sekeluarga kerana rumah peninggalan mendiang suami ini sudah usang dan uzur, serta sanggup membayai sewa rumah sementara menunggu rumah baharu siap dibina."

"Beberapa bulan lalu, saya dihubungi oleh wakil TNB yang memaklumkan saya layak menerima bantuan di bawah Projek Mesra Rakyat (PMR) sebelum kerja-kerja pembinaan dilakukan pada hujung September lalu," katanya.



Subramaniam (dua, kanan) menyerahtakan replika kunci kepada Walliamah (tengah) sambil diperhatikan oleh Sakthivel (kiri) dan Viswanathan (kanan).

Dia berkata kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah yang diserahkan oleh Subramaniam, di rumahnya, semalam.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah TNB, Datuk A Sakthivel, Pengurus Besar Kanan (Fleet Management) TNB, Datuk S. Viswanathan, Wakil Pengurus Besar

TNB Johor, Khaorizam Ibrahim dan Adun Tenggaroh, K Raven.

Menurutnya, walaupun rumahnya itu telah disiapkan pada 25 Oktober lalu, namun dia bersama tiga cucunya iaitu S Veetiyah, 10, S Danush dan S Darshan, 9, tidak sempat menyambut Deepavali di rumah berkenaan.

"Kami akan berpindah ke

rumah tiga bilik dan selesa ini dalam masa terdekat dan bagi kami rumah ini adalah hadiah paling bermakna sempena Deepavali dan terima kasih TNB kerana sudi memilih kami sebagai penerima bantuan.

"Cucu-cucu saya yang paling gembira kerana mereka sebelum ini pernah tinggal di rumah lama kami selepas kedua ibu bapa mereka meninggal dunia pada tahun 2008 dan rumah ini juga dekat dengan sekolah mereka," katanya.

Menurutnya, dia kini hanya bergantung dengan bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM600 selain pencejat penangkuhan suaminya berjumlah RM300 keseluruhaninya.

Sementara itu, Sakthivel berkata, rumah baharu Walliamah dibina dalam tempoh tiga minggu melalui dana Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB berjumlah RM50,000 selepas dicadangkan oleh Subramaniam.

"Bagaimanapun, kes Walliamah

adalah kes khas kerana bantuan asal adalah RM30,000 sahaja untuk kerja-kerja membaik pulih sebelum nilai tersebut ditambah kepada RM50,000 untuk pembinaan semula rumah akibat keadaan rumahnya yang agak teruk.

"Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, 92 penerima di seluruh negara telah menerima faedah PMR dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.92 juta dan kami akan meneruskan program ini pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Subramaniam dalam ucapannya memuji langkah TNB dan menggalakkan agar syarikat bukan kerajaan (GLC) supaya mencontohi usaha yang dilakukan oleh TNB dalam mensejahteraan rakyat.

Katanya, beliau akan mencadangkan usul tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana usaha sebegini mampu menyelesaikan isu yang dihadapi oleh wakil rakyat dan pemimpin setempat.